

PROSES KERJA

BIDANG: PERJAWATAN	KOD: JN 18.5		
AKTIVITI: TAMBANG PERCUMA	SUB-AKTIVITI: PERMOHONAN ELAUN CUTI		
PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p><u>PERKARA PERKARA PENTING</u></p> <p>Syarat-syarat permohonan elaun cuti adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pegawai telah dilantik sebelum 1.11.71 berkaitan dengan pelaksanaan P.P. 9/71. ii) Pegawai telah menyandang jawatan tetap atau sementara (tetapi tidak secara sebelum ke sebulan) dalam Bahagian I atau II dengan gaji Pre-Suffian yang melebihi \$660.00 sebulan sebelum pelaksanaan P.P. 9/71 (1.11.71). iii) Pegawai telah cukup 3 tahun sesudah menikmati kemudahan yang sama ini; (iv) Pegawai telah kemukakan penyata kira-kira perbelanjaan/tiket-tiket kapal terbang yang telah diguna bagi elaun cuti yang lalu. v) Pegawai ada memohon/telah diluluskan cuti rehat untuk maksud ini. vi) Pegawai belum diberi dan tidak akan diberi kemudahan tambang percuma setahun sekali untuk balik ke kampung halaman pada tahun yang sama. vii) Pejabat SUK ada peruntukan untuk maksud ini. <hr/> <ul style="list-style-type: none"> 1. Terima surat/borang permohonan daripada pegawai. 2. Periksa rekod perkhidmatan dan rekod cuti pegawai sama ada beliau memenuhi syarat-syarat seperti tercatat di bawah perkara-perkara penting. <ul style="list-style-type: none"> 2.1 Jika permohonan tidak memenuhi syarat-syarat ataupun tiada peruntukan kewangan tolak permohonan dan beritahu pegawai. 2.2 Jika permohonan memenuhi syarat-syarat, kemukakan permohonan kepada Setiausaha Kerajaan untuk dipertimbangkan. 3. Terima keputusan daripada Setiausaha Kerajaan. 4. Beritahu keputusan kepada pegawai. 5. Catatkan kemudahan yang telah diberi di dalam Rekod Perkhidmatan/fail peribadi pegawai. 	Surat/ Borang Permohonan Cuti Rehat	P.A. 152(Jadual XIV), Perintah Am 1996.	

PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p>6. Selepas pegawai kembali dari cuti, pastikan pegawai tersebut mengemukakan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa beliau telah meninggalkan negeri Sarawak sekurang-kurang selama 7 hari, telah menempah tiket-tiket perjalanannya dari sebuah ajen yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan telah menggunakan perkhidmatan MAS bagi perjalanannya.</p> <p>7. Kemukakan bukti-bukti tersebut kepada SUK.</p> <p>8. Tamat.</p>			

JN 18.5 PERMOHONAN ELAUN CUTI

